

# Perit kenang 5 ahli keluarga dibunuh Israel

**Putrajaya:** "Perkara paling menyedihkan dalam hidup apabila lima saudara saya meninggal dunia kerana dibunuh tentera Israel. Pada waktu itu, saya sedang menghadapi peperiksaan di Universiti al-Azhar, Palestin," kata pelajar Palestin, Waelmohmoud El Sultan (**gambar**), 25, yang menuntut pengajian sarjana di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Waelmohmoud yang mengikuti jurusan pertanian berkata, disebabkan pembunuhan itu, dia tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran kerana terlalu sedih dengan kejadian itu yang berlaku pada 2009.

"Tidak dapat digambarkan perasaan saya pada masa itu, malah bukan saja saya, seluruh rakan sepengajian di



universiti berasa sedih dan terlampau marah terhadap tindakan tentera Israel."

"Saya tidak dapat belajar dengan tenang dan sehingga hari ini pun, saya tidak mahu mengingati kembali peristiwa kekejaman tentera Israel kerana terlalu sedih," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis minum petang

bersama Kementerian Pendidikan, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Kementerian Pendidikan Ibrahim Ali.

Kira-kira 30 pelajar Palestin dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta menghadiri majlis minum petang berkenaan.

Waelmohmoud berkata, dia mengambil keputusan menyambung pengajiannya di Malaysia kerana tertarik dengan negara ini selepas mendengar cerita daripada rakannya yang pernah belajar di Malaysia.

"Saya mengambil keputusan melanjutkan pelajaran di UPM, tetapi sebelum itu saya belajar bahasa Inggeris di sebuah pusat bahasa di Kuala Lumpur bagi meningkatkan tahap kebolehan bahasa itu.

"Saya sangat terkejut dengan suasana pembelajaran di UPM kerana segala-galanya lengkap termasuk disediakan makmal bagi memudahkan pelajar sedangkan ketika belajar di Palestin, pihak universiti tidak menyediakan makmal selain kelengkapannya sangat daif.

"Ia berikutnya ada sebahagian infrastruktur dan kemudahan di universiti itu sudah dimusnahkan tentera Israel. Justeru, kami tidak pernah berpeluang belajar di dalam makmal," katanya.

Sementara itu, rakannya, Hassan Al Jarshai, 21, yang juga pelajar jurusan perniagaan di Universiti Lim Kok Wing berkata, sistem pendidikan negara ini sangat baik, sekali gus menjadi faktor dia memilih Malaysia sebagai rumah keduanya.